

Bil. S 4 — PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah Bab 83)

Perintah Darurat (Ajensi Pelaburan Brunei), 1984

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Bab 83 (3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut :—

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran pendek dan mula berkuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Ajensi Pelaburan Brunei), 1984 dan hendaklah dianggap telah mula berkuatkuasa pada 1 Julai, 1983.

Tafsiran.

2. Di dalam Perintah ini, kecuali jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“Ajensi” bermakna Ajensi Pelaburan Brunei yang ditubuhkan di bawah bab 3 dari Perintah ini ;

“bank” bermakna sesebuah bank yang dileseni di bawah Undang-Undang Bank ;

“lembaga” bermakna lembaga pengarah Ajensi ;

“pengarah” bermakna seseorang pengarah yang dilantik di bawah ceraian (2) bab 5 dari Perintah ini dan pengurus lembaga dan timbalan pengerusinya ;

“pengarah urusan” bermakna seseorang pengarah yang dilantik di bawah ceraian (1) bab 7 dari Perintah ini ;

“Menteri Kewangan” bermakna Menteri Besar bagi tempoh sebelum 1 Januari, 1984 dan bagi tempoh selepas 1 Januari 1984 jika kandungannya membenarkan termasuklah Timbalan Menteri Kewangan ;

BAHAGIAN II

PENUBUHAN DAN PENTADBIRAN AJENSI

Penubuhan Ajensi.

3. (1) Maka hendaklah ditubuhkan sebuah Ajensi yang akan digelar “Ajensi Pelaburan Brunei” yang mana hendaklah menjadi sebuah pertubuhan yang diperbadankan dan hendaklah kekal turun-temurun dan boleh mendakwa dan didakwa atas namanya sendiri.

(2) Ajensi hendaklah mempunyai meterai perbadanan dan meterai sedemikian boleh, dari masa ke semasa, dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang kepada Ajensi tampak

patut, dan sehingga sesuatu meterai diperuntukkan di bawah bab ini, sesuatu cap yang menunjukkan tandatulis "Ajensi Pelaburan Brunei" boleh digunakan sebagai meterai perbadanan.

(3) Semua suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang memerlukan meterai Ajensi hendaklah dimeterai dengan meterai perbadanan Ajensi dengan kebenaran Ajensi di hadapan pengarah urusan dan seseorang lain yang telah dibenarkan oleh Ajensi untuk bertindak bagi maksud itu dan hendaklah ditandatangani oleh pengarah urusan dan oleh orang yang telah dibenarkan demikian, dan penandaan tangan demikian adalah menjadi bukti keterangan yang menchukupi bahawa meterai perbadanan Ajensi telah dengan sem-purna dan betul dibubuhkan dan bahawa meterai tersebut adalah meterai perbadanan Ajensi yang sah.

(4) Ajensi boleh dengan ketetapan atau cara lain melantik seseorang pegawai dari Ajensi atau mana-mana ajen lain sama ada pada amnya atau dalam sesuatu perkara khas untuk melaksanakan atau menandatangani bagi pihak Ajensi apa jua perjanjian atau suratcara lain yang tidak dimeterai berhubung dengan apa jua perkara yang termasuk dalam bidang kuasa-kuasa Ajensi.

4. Tujuan-tujuan utama Ajensi adalah

Tujuan-tujuan utama.

- (a) untuk memegang dan mengurus di Negara Brunei Darussalam dan di seberang laut Kumpulanwang Simpanan Am kepunyaan Kerajaan dan semua hartamilik luar negeri kepunyaan Kerajaan ;
- (b) untuk memberikan kepada Kerajaan perkhidmatan-perkhidmatan pengurusan wang berkenaan dengan jumlah-jumlah wang yang Kerajaan mungkin dari masa ke semasa mengirimkan dan berkenaan dengan faedah, untung saham dan apa jua pembayaran lain atau tindakan-tindakan perbadanan yang berbangkit dari pelaburan jumlah-jumlah wang tersebut ;
- (c) untuk melaksanakan tujuan-tujuan lain sebagaimana yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan Perintah yang di siarkan dalam *Warta Kerajaan* menentukan.

5. (1) Maka hendaklah diadakan sebuah lembaga pengarah bagi Ajensi yang mana adalah bertanggungjawab terhadap dasar dan pentadbiran am bagi hal-ehwal dan perniagaan Ajensi.

Lembaga Pengarah.

(2) Lembaga hendaklah terdiri dari seorang Pengerusi dan sebilangan pengarah-pengarah lain sebagaimana yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik.

(3) Lembaga boleh dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mengundang sesiapa jua orang yang difikirkannya patut untuk menghadiri sesuatu mesyuarat lembaga bagi maksud memberi nasihat kepada lembaga mengenai apa jua perkara.

Perlantikan pengarah-pengarah.

6. (1) Pengarah-pengarah yang dilantik sedemikian —
- (a) tidak boleh bertindak selaku wakil-wakil dalam lembaga dari sebarang perusahaan perdagangan, kewangan, pertanian, industri atau perusahaan lain dengan mana mereka mungkin ada kaitan ;
 - (b) hendaklah memegang jawatan selama sesuatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan adalah layak bagi perlantikan semula ;
 - (c) boleh dibayar oleh Ajensi daripada kumpulanwang-kumpulanwang Ajensi ganjaran dan elaun-elaun sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(2) Syarat-syarat perenggan (b) ceraian (1) dari bab ini tidak dikenakan kepada seseorang pengarah yang dilantik di bawah ceraian (7) dari Perintah ini.

Perlantikan pengarah urusan.

7. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan akan melantik salah seorang dari pengarah-pengarah yang dilantik di bawah bab 5 dari Perintah ini untuk menjadi pengarah urusan.

(2) Pengarah urusan hendaklah diambil berkhidmat atas syarat-syarat dan penentuan-penentuan perkhidmatan sebagaimana yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh menentukan.

(3) Pengarah urusan hendaklah diamanahkan dengan pentadbiran Ajensi yang lazim, dan boleh, tertakluk kepada Perintah ini, membuat keputusan-keputusan dan menjalankan segala kuasa dan melakukan segala tindakan yang boleh dijalankan atau dilakukan oleh Ajensi.

(4) Pengarah urusan adalah bertanggungjawab kepada lembaga terhadap tindakan-tindakan dan keputusan-keputusannya.

(5) Jika berlaku ketiadaan atau ketidakupayaan pengarah urusan untuk bertindak, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik seseorang pengarah untuk menunaikan tugas-tugasnya dalam tempoh ketiadaan atau ketidakupayaan sedemikian.

Hilang kelayakan pengarah-pengarah.

8. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh menamatkan perlantikan sesiapa ju pengarah yang telah dilantik di bawah ceraian (1) bab 5 dari Perintah ini jika ia —

- (a) meletakkan jawatannya ;
- (b) menjadi tidak siuman atau tidak berdaya menjalankan tugas-tugasnya ;

- (c) menjadi bengkrap atau menggantungkan pembayaran kepada atau membuat penyelesaian dengan sipiutang-sipiutangnya ;
 - (d) disabitkan sesuatu kesalahan yang melibatkan ketidakjuruan atau penipuan atau kekejadian akhlak ;
 - (e) adalah bersalah melakukan salahurusan yang serius berhubung dengan tugas-tugasnya ;
 - (f) tidak hadir, tanpa cuti, di mesyuarat lembaga tiga kali berturut-turut ; atau
 - (g) gagal memenuhi tanggungjawab-tanggungjawab di bawah bab 11 dari Perintah ini.
9. Jika sesiapa jua pengarah meninggal dunia atau meletakkan jawatan atau dengan cara lain mengosongkan jawatan-nya sebelum tamatnya tempoh selama mana ia telah dilantik maka seseorang lain boleh dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi selama tempoh jawatan pengarah itu yang belum tamat di tempat siapa ianya dilantik.
10. (1) Pengerusi lembaga hendaklah memanggil mesyuarat-mesyuarat seberapa kerap kali yang mungkin dikehendaki tetapi tidak kurang kerapkalinya dari sekali dalam tiga bulan.
- (2) Di tiap-tiap mesyuarat lembaga satu korum hendaklah terdiri dari tiga orang pengarah, dan keputusan-keputusan hendaklah diterima dengan kelebihan suara undi yang jelas dari pengarah-pengarah yang hadir dan mengundi kecuali bahawa jika berlaku sama banyaknya undi maka pengerusi adalah mempunyai undi pemutus.
11. (1) Seseorang pengarah yang dengan secara langsung atau tidak langsung mempunyai kepentingan dalam sesuatu kontrak atau pelaburan yang dibuat atau diuruskan, atau yang dicadang akan dibuat atau diuruskan, oleh Ajensi hendaklah memberitahu tentang jenis kepentingannya di mesyuarat lembaga yang pertama di mana ianya hadir setelah hal sebenar yang berkaitan sampai ke pengetahuannya.
- (2) Sesuatu pemberitahuan di bawah ceraian (1) dari bab ini hendaklah dicatat dalam minit-minit lembaga dan, selepas pemberitahuan itu, pengarah tersebut —

- (a) tidak boleh mengambil bahagian dalam apa jua pertimbangan atau keputusan lembaga berkenaan dengan kontrak itu ; dan
- (b) tidak boleh diambil kira bagi maksud menjadikan satu korum lembaga bagi sebarang pertimbangan atau keputusan sedemikian.

Kekosongan-kekosongan dalam jawatan pengarah.

Mesyuarat-mesyuarat dan keputusan-keputusan lembaga.

Kepentingan pengarah dalam kontrak hendaklah diberitahu.

(3) Tiada sebarang tindakan atau langkah lembaga boleh dipersoalkan oleh sesiapa jua orang yang bukan menjadi ahli lembaga atas alasan bahawa seseorang pengarah telah melanggar syarat-syarat dari bab ini.

Pemeliharaan
rahsia.

12. (1) Kecuali bagi maksud melaksanakan kewajipan-kewajipannya atau menjalankan tugas-tugasnya atau bilamana dikehendaki dengan sahnya untuk berbuat demikian oleh mana-mana mahkamah atau di bawah syarat-syarat dari apa jua undang-undang bertulis, tiada sebarang pengarah, pegawai atau pekerja Ajensi boleh memberitahu kepada sesiapa jua orang sebarang maklumat berhubung dengan hal-ehwal Ajensi atau sesiapa jua orang yang ia telah perolehi dalam melaksanakan kewajipan-kewajipannya atau menjalankan tugas-tugasnya.

(2) Sesiapa jua orang yang melanggar syarat-syarat ceraian (1) dari bab ini adalah bersalah di bawah Perintah ini dan boleh jika disabitkan kesalahannya dikenakan hukum penjara selama sesuatu tempuh yang tidak melebihi tiga tahun atau hukum denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-dua hukuman dan denda tersebut.

Ganjaran
tidak boleh
dikaitkan
dengan
keuntungan-
keuntungan.

13. Tiada sebarang gaji, bayaran, upah atau ganjaran lain boleh di kira dengan merujukkan kepada hasil dari sebarang perkhidmatan pengurusan wang yang diuruskan oleh atau bagi pihak Ajensi menurut Perintah ini.

Pegawai-
pegawai
kerajaan.

14. (1) Pengarah-pengarah, termasuk pengarah urusan, dan pegawai-pegawai serta pekerja-pekerja Ajensi apa pun jua jenisnya adalah dianggap sebagai pegawai-pegawai Kerajaan dalam bidang makna Undang-Undang Hukuman Jenayah (Penal Code).

(2) Pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja Ajensi adalah dianggap memegang jawatan di dalam Perkhidmatan Kerajaan bagi maksud-maksud Undang-Undang Pencen dan adalah layak mendapatkan elaun-elaun, pencen-pencen dan baksis-baksis yang diper syaratkan di bawahnya.

BAHAGIAN III

SYARAT-SYARAT BERHUBUNG DENGAN KAKITANGAN, PEMINDAHAN TUGAS-TUGAS, PEKERJA-PEKERJA DAN HARTAMILIK, DSB.

Senarai
jawatan-
jawatan dan
perlantikan
pekerja-
pekerja.

15. (1) Ajensi boleh dari masa ke semasa meluluskan satu senarai jawatan-jawatan (tidak termasuk pengarah-pengarah) yang difikirkannya perlu bagi maksud-maksud Perintah ini dan boleh menambah kepada atau meminda senarai itu.

(2) Tertakluk kepada syarat-syarat dari bab ini —

(a) perlantikan-perlantikan dan kenaikan-kenaikan pangkat kepada semua jawatan hendaklah dibuat oleh Ajensi ; dan

(b) penamatan perlantikan, pembuangan kerja dan kawalan tata tertib bagi pekerja-pekerja Ajensi hendaklah diletakkan dalam tangan Ajensi.

(3) Dalam menunaikan tugas-tugasnya di bawah ceraian (2) dari bab ini Ajensi hendaklah, jika diarahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam sesuatu perkara khas atau pada amnya, meminta nasihat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sebelum menjalankan mana-mana dari kuasa-kuasanya di bawah ceraian (2).

(4) Dengan tidak menghiraukan syarat-syarat dari bab ini, Ajensi boleh melantik orang-orang untuk sementara waktu selama tempoh yang tidak melebihi satu tahun ke jawatan-jawatan yang di dalam senarai jawatan-jawatan yang pada masa itu berkuatkuasa.

(5) Ajensi boleh, dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan, yang tidak berlawanan dengan syarat-syarat dari Perintah ini atau dari sebarang undang-undang bertulis yang lain, bagi perlantikan, kenaikan pangkat, kawalan tata tertib dan syarat-syarat serta penentuan-penentuan perkhidmatan bagi semua orang yang diambil berkhidmat oleh Ajensi.

(6) Dengan tidak menyentuh keluasan makna ceraian (5) dari bab ini, Ajensi hendaklah menetapkan kadar-kadar ganjaran yang boleh dibayar kepada orang-orang yang diambil berkhidmat oleh Ajensi dan tiada sebarang orang yang diambil berkhidmat demikian boleh dibayar selain dari menurut kadar-kadar sedemikian.

16. (1) Manakala berjalan kuatkuasa Perintah ini, maka harta benda yang boleh digerak, hartamilik-hartamilik, hak-hak, faedah-faedah dan kelebihan-kelebihan yang merupakan mana-mana bahagian dari Kumpulanwang Cadangan Am, beserta dengan sebarang hutang, tanggungan atau tanggungjawab yang berkaitan atau berhubung dengannya adalah dianggap telah dipindahkan kepada dan diletakkan dalam tangan Ajensi tanpa mengkehendaki sebarang tindakan selanjutnya.

Pemindahan
hartamilik-
hartamilik
dan
tanggungan-
tanggungan
kepada Ajensi.

(2) Menteri Kewangan adalah mempunyai kuasa untuk melakukan semua perbuatan atau perkara yang difikirkannya perlu atau mustahak untuk menguatkuasakan syarat-syarat ceraian (1) dari bab ini.

(3) Jika soalan berbangkit tentang sama ada —

- (a) mana-mana dari tugas-tugas, kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasa ; atau
- (b) sebarang harta benda yang boleh digerak, hartamilik, hak, faedah, kelebihan, hutang, tanggungan dan tanggungjawab,

telah dipindahkan kepada atau diletakkan dalam tangan Ajensi di bawah ceraian (1) dari bab ini, maka satu surat akuan yang ditan-

tangani oleh Menteri Kewangan adalah menjadi bukti keterangan muktamad bagi pemindahan atau perletakan dalam tangan sedemikian.

Kuasa-kuasa,
kewajipan-
kewajipan dan
tugas-tugas
Ajensi.

BAHAGIAN IV

KUASA-KUASA, KEWAJIPAN-KEWAJIPAN DAN TUGAS-TUGAS AJENSI

17. (1) Ajensi boleh, bagi maksud melaksanakan syarat-syarat Perintah ini, menjalankan dan menunaikan kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan tugas-tugas, yakni, ia boleh —

- (a) membuka dan mengendalikan sandaran-sandaran dan akaun-akaun penjelasan wang tunai dan menaruh simpanan-simpanan atas syarat-syarat yang ia mungkin menentukan ;
- (b) membeli, memperolehi dengan cara pertukaran atau cara lain, memegang, menjual atau dengan jalan lain menyelesaikan berbagai jenis hartamilik pelaburan sebagaimana yang dibenarkan dengan khasnya oleh Perintah ini atau oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atas sokongan Lembaga ;
- (c) meminjam wang, menetapkan kredit-kredit dan memberi jaminan-jaminan dalam apa jua matawang di dalam dan di luar Negara Brunei Darussalam atas syarat-syarat dan penentuan-penentuan sebagaimana yang ia mungkin menganggap patut ;
- (d) membuka dan mengendalikan akaun-akaun dengan bank-bank pusat di luar Negara Brunei Darussalam ;
- (e) membeli, memperolehi atau memajukan, di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam kemudahan-kemudahan bagi mengira terhadap dan melapurkan ke atas hartamilik-hartamilik dan tanggungan-tanggungan Kumpulanwang Simpanan Am dan apa jua hartamilik atau tanggungan-tanggungan lain yang diletakkan dalam tangan Ajensi ;
- (f) mengikat perjanjian dengan pihak-pihak ketiga di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam bagi maksud yang diuraikan dalam bab 20 dari Perintah ini ;
- (g) menanggung pinjaman-pinjaman atau sandaran-sandaran dalam mana ia mungkin melabur ;
- (h) mengendalikan pengeluaran dan pengurusan pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan kepada orang ramai oleh Kerajaan atau oleh mana-mana pihak berkuasa Kerajaan ;
- (i) membayar perbelanjaan Ajensi, termasuk khususnya apa jua pembayaran yang dimaksudkan oleh bab-bab

6(1)(c), 7(2), 15(6) dan 20(b) dari Perintah ini daripada hartamilik yang telah dipindahkan kepada dan diletakkan dalam tangan Ajensi menurut bab 16(1) dari Perintah ini ; dan

- (j) melakukan amnya semua perkara sebagaimana yang mungkin biasanya dilakukan oleh pengurus-pengurus pelaburan dan tidak berlawanan dengan perjalanan kuasa-kuasanya atau penunaian kewajipan-kewajipannya di bawah Perintah ini.

(2) Selepas berjalannya kuatkuasa Perintah ini, maka hendaklah diletakkan dalam tangan Ajensi tugas-tugas, kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasa lain sebagaimana yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dari masa ke semasa, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, menentukan.

18. Pelaburan-pelaburan yang Ajensi boleh memegang, sebagaimana dipersyaratkan dalam perenggan (b) ceraian (1) dari bab 17 dari Perintah ini adalah termasuk —

- (a) wang syiling emas atau emas jongkong dan logam berharga ;
- (b) harta tanah dan kepentingan-kepentingan di dalamnya ;
- (c) wang-wang kertas, wang syiling, imbalan-imbalan bank dan wang yang segera diperolehi di dalam negeri atau negeri-negeri yang mungkin dibenarkan oleh lembaga ;
- (d) bil-bil Perbendaharaan dari sesebuah kerajaan atau kerajaan-kerajaan sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh lembaga ;
- (e) sandaran-sandaran dari, atau yang dijamin oleh, sesebuah kerajaan atau kerajaan-kerajaan atau institusi-institusi kewangan antarabangsa sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh lembaga ;
- (f) jenis-jenis hartamilik-hartamilik pelaburan-pelaburan yang lain sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh lembaga dari masa ke semasa dan diuraikan dalam satu garispan-duan pelaburan bertulis kepada Ajensi ; dan
- (g) pelaburan-pelaburan tertentu yang lain yang tidak sebaliknya dibenarkan di bawah ini sebagaimana yang boleh dibenarkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atas sokongan Lembaga.

Pelaburan
kumpulan-
wang-
kumpulan-
wang,

19. (1) Ajensi hendaklah bertindak sebagai ajen kewangan Kerajaan.

(2) Bilamana sahaja Ajensi menerima dan membayar wang-wang Kerajaan maka ia hendaklah menyimpan kira-kira mengerainya.

Ajensi sebagai
sebuah ajen
kewangan
Kerajaan dan
pengurus bagi
hartamilik-
hartamilik
luarnya.

(3) Ajensi boleh bertindak pada amnya sebagai wakil bagi pihak Kerajaan atas syarat-syarat dan penentuan-penentuan sebagaimana yang boleh dipersetujui di antara Ajensi dan Kerajaan, jika Ajensi boleh berbuat demikian dengan wajar dan selaras dengan syarat-syarat dari Perintah ini dan selaras dengan kewajipan-kewajipan serta tugas-tugasnya.

Wakil-wakil. 20. Dalam pada menjalankan kuasa-kuasanya dan menunaikan tugas-tugasnya di bawah Perintah ini maka Ajensi boleh —

- (a) menujuhan pejabat-pejabat dan wakil-wakil di tempat-tempat di luar Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang difikirkannya patut ;
- (b) menyusun atau membuat perjanjian dengan dan membenarkan seseorang atau orang-orang, yang mungkin sebagai individu-individu atau pertubuhan-pertubuhan diperbadankan, supaya bertindak sebagai ajen atau wakil Ajensi di luar Negara Brunei Darussalam, termasuk perlaksanaan urusan pelaburan, tindakan-tindakan undang-undang, audit dan sukan hasil pelaburan bagi pihak Ajensi, dan berhubung dengan perlaksanaan tindakan-tindakan sedemikian maka ajen-ajen atau wakil-wakil sedemikian boleh diberi bayaran-bayaran bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan dan boleh digantikan oleh Ajensi bagi perbelanjaan yang telah dilakukannya sendiri.

BAHAGIAN V

RAMPAIAN

Tahun
kewangan
Ajensi.

21. Tahun kewangan Ajensi hendaklah bermula pada 1 haribulan Januari dan berakhir pada 31 haribulan Disember bagi tiap-tiap tahun kecuali bahawa bagi tahun 1983 tahun kewangannya adalah bermula pada tarikh penubuhan Ajensi dan adalah berakhir pada 31 haribulan Disember, 1983.

Audit.

22. Kira-kira Ajensi hendaklah diaudit oleh Juruaudit Agung atau oleh juruaudit-juruaudit bebas sebagaimana yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik.

Persediaan
dan
penerbitan
kira-kira
tahunan dan
penyata
tahunan.

23. Ajensi hendaklah dalam masa enam bulan dari berakhirnya tahun kewangannya —

- (a) menghadapkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan satu salinan kira-kira tahunannya ; dan
- (b) menghadapkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan satu penyata oleh lembaga mengenai perjalanan kerja Ajensi di sepanjang tahun itu.

24. Ajensi boleh, dengan suratcara yang dibubuh meterai perbadanannya, melantik seseorang (sama ada di Negara Brunei Darussalam atau di sesbuah tempat di luar Negara Brunei Darussalam) untuk menjadi wakil mutlaknya, dan orang yang dilantik demikian boleh, tertakluk kepada suratcara itu, melakukan sebarang perbuatan atau melaksanakan sebarang kuasa atau tugas yang ia diberikuasa oleh suratcara itu untuk melakukan atau melaksanakan.
- Kuasa untuk melantik wakil mutkal.
25. Sahnya sesuatu tindakan atau urusniaga Ajensi tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah atas alasan bahawa sebarang syarat dari Perintah ini telah tidak dipatuhi.
- Sahnya tindakan-tindakan dan urusniaga-urusniaga Ajensi.
26. Kerajaan adalah bertanggungjawab terhadap pembayaran semua wang yang kena dibayar oleh Ajensi tetapi tiada sebarang apa pun di dalam bab ini membenarkan seseorang siputang atau orang lain yang membuat tuntutan terhadap Ajensi untuk mendakwa Kerajaan bersabit dengan tuntutannya itu.
- Jaminan oleh Kerajaan.
27. Tiada sebarang dakwaan berkenaan dengan sebarang kesalahan di bawah Perintah ini boleh dimulakan tanpa persetujuan bertulis dari Peguam Negara.
- Kebenaran (Fiat) Peguam Negara.
28. Dengan tidak menghiraukan syarat-syarat dari sebarang undang-undang bertulis yang lain, sesebuah Mahkamah Majistret adalah mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan semua kesalahan di bawah Perintah ini dan untuk mengenakan hukuman sepenuhnya yang ditetapkan terhadapnya.
- Bidangkuasa.
29. Ajensi boleh, dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan dengan lebih baik lagi tujuan-tujuan dan maksud-maksud Perintah ini.
- Kuasa Ajensi untuk membuat peraturan-peraturan.
30. Dengan tidak menghiraukan syarat-syarat bab 1 dari Perintah ini Menteri Kewangan boleh pada bila-bila masa sebelum tarikh berjalannya kuatkuasa Bahagian II dari Perintah ini melakukan segala perbuatan dan membuat segala perbelanjaan sebagaimana yang mungkin difikirkannya perlu berkaitan dengan penubuhan Ajensi ; dan pada tarikh itu segala perbuatan dan perbelanjaan adalah dianggap telah dilakukan dan dibuat oleh Lembaga.
- Perbuatan-perbuatan dan perbelanjaan-perbelanjaan permulaan.

BAHAGIAN VI

PERALIHAN

31. Apa jua tindakan undang-undang atau alasan tindakan (cause of action) yang belum selesai atau masih ada sebaik sahaja sebelum berjalannya kuatkuasa Perintah ini oleh atau terhadap Kerajaan berkenaan dengan sebarang tugas atau hartamilik yang mana di bawah dan dengan kuatkuasa Perintah ini adalah dipindahkan kepada, atau diletakkan dalam tangan, Ajensi, boleh diteruskan dan dikuatkuasa-
- Syarat-syarat peralihan.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

kan oleh atau terhadap Ajensi sebagaimana ianya mungkin telah diteruskan dan dikuatkuasakan oleh atau terhadap Kerajaan, mengikut mana yang berkenaan, kalaualah Perintah ini belum berjalan kuatkuasanya.

Diperbuat pada 7 haribulan Februari, 1984 di Istana Darul Hana Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
DAN YANG DI-PERTUAN**